

Sukan

KEJOHANAN PENCAK SILAT SDUNIA

'Tekanan? Saya boleh tangannya'

► **NORMAN SAWI**
normans@sph.com.sg

SEBELUM ke Thailand minggu lalu, Sheik Farhan Sheik Alau'ddin memberitahu akhbar ini beliau ingin mengukir nama sendiri di gelanggang silat dunia, tanpa dibayangi nama ayahnya yang lebih terkenal.

Peluang Sheik Farhan – anak keempat bekas juara dunia, Sheik Alau'ddin Yacoob Marican – berbuat demikian kini terbentang di depannya dalam Kejohanan Pencak Silat Sedunia di Phuket, Thailand.

Esok, pesilat berusia 17 tahun itu menjejakkan kaki ke gelanggang final Kelas J (90-95 kilogram), selepas

beliau mencatat keputusan di luar dugaan dengan menewaskan pesilat Malaysia, Azrul Abdullah, 4-1 dalam separuh akhir semalam.

Azrul ialah seorang pesilat berpengalaman dan memenangi pingat gangsa dalam Sukan SEA 2011.

Farhan kini 'memikul' harapan negara merangkul emas apabila berdepan dengan pesilat Vietnam esok, tetapi penuntut tahun pertama di Politeknik Nanyang (NP) itu berkata beliau tidak akan melakukan sebarang persiapan istimewa.

"Tekanan memang ada... saya sedar kini jangkakan bertambah bagi saya memenangi emas. Tapi saya boleh menangani tekanan ini," kata Farhan.

Farhan, yang bertanding buat kali pertama di kejohanan dunia, melangkah ke final selepas menewaskan Azrul dengan bergaya.

Menurut Farhan, beliau sengaja mengundang lawannya agar menyerang sementara menanti peluang melakukan serangan balas.

Strategi itu mendatangkan ganjaran apabila beliau berjaya meraih kelebihan mata selepas menjatuhkan lawannya dalam pusingan pertama – kelebihan yang dipeliharanya sehingga akhir perlawanan.

"Saya bertambah yakin selepas menjatuhkan lawan dan mula menguasai perlawanan," kata Farhan.

Pertandingan 'berehat' sehari ini, sebelum final bermula esok.

Bagi Sheik Farhan, ia adalah peluang berehat dan merawat kakinya yang bengkok – kecederaan yang dialami sejak suku akhir di awal minggu. Beliau memenangi perlawanan dengan pesilat Uzbekistan, Sherzod Abduganiev, 5-0.

Ditanya tentang lawannya esok, Farhan, yang berdiri setinggi 1.86 meter dan seberat 90 kg, berkata beliau hanya fokus pada persiapan dirinya sendiri.

"Sebelum pertandingan ini, tidak ramai yang menduga saya boleh ke final atau menang.

"Kini, saya tahu saya mampu dan insya-Allah akan berjaya," kata Farhan yakin.



YAKIN BERJAYA: Di luar dugaan, Farhan mara ke final kejohanan dunia dalam pertandingan pertama di peringkat dewasa. – Foto NORMAN SAWI